

Laporan salah cemar imej Islam: Mahathir

BH - 1 JUL 2000

Oleh Zulkoffi Jamaludin dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Negara Islam perlu mengubah sikap terlalu mempercayai laporan media Barat jika mahu menangani masalah laporan salah yang menjejaskan imej umat Islam di seluruh dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang kesal dengan media negara Arab kerana menyiarkan laporan salah daripada agensi berita Barat mengenai Malaysia, berkata sikap itulah yang memberi media Barat kuasa untuk meneruskan agenda tersembunyi mereka.

Beliau berkata, negara Islam perlu mempercayai dan memberi keutamaan kepada laporan agensi berita negara Islam lain untuk mengetahui perkembangan sebenar di dunia Islam.

"Masalahnya kita mempunyai sikap terlalu mempercayai setiap laporan media asing dan menganggap semuanya sebagai benar. Kita sudah hilang kepercayaan kepada diri kita sendiri.

"Oleh itu, kita perlu memberi kepercayaan kepada apa yang datang dari negara Islam. Media Barat mempunyai agenda mereka sendiri," katanya adi sesi dialog selepas merasmikan Seminar dan Dialog Antarabangsa "Mempertingkatkan Pemahaman Mengenai Islam Untuk

Media" di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini hari ini.

Dr Mahathir menjawab soalan peserta mengenai langkah perlu diambil oleh negara Islam bagi menangani laporan tidak adil media Barat yang menjejaskan imej agama dan umat Islam di seluruh dunia.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Ketua Pengarah Ikim, Daruk Dr Ismail Ibrahim dan Pengarah Institut Tamadun Islam Moscow, Dr Said H Kiamilev.

Seminar tiga hari itu turut disertai wakil agensi media asing seperti La Vie (Perancis), The Australian, International Herald Tribune, Die Woche (Jerman), United Press International, Financial Times dan Asia-week.

Menjawab soal lain, Perdana Menteri berharap Agensi Berita Islam Antarabangsa (IMNA) dapat dipulihkan dan menggesa semua negara Islam melangani berita agensi itu bagi memastikan kejayaannya.

Dr Mahathir juga berkata, masyarakat Islam perlu kembali kepada ajaran agama sebenar dan berusaha menguasai ilmu

serta teknologi untuk menjadi umat yang kuat serta dihormati masyarakat lain.

Terdahulu dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir berkata, media Barat harus berlaku adil kepada umat Islam di seluruh dunia dengan memperbetulkan laporan berat sebelah supaya masyarakat dunia mempunyai pandangan yang benar mengenai Islam.

Perdana Menteri kesal kerana media Barat selalu menggambarkan umat Islam sebagai kumpulan pengganas sedangkan mereka sebenarnya adalah mangsa kekejaman di banyak negara.

"Ketidakadilan ini dirasai oleh orang Islam di seluruh dunia," katanya sambil menambah, media adalah entiti amat berpengaruh dan berkuasa yang boleh menyumbang kepada kesefahaman antara bangsa dan penganut pelbagai agama.

Malah, media boleh membawa keamanan dan kefahaman kepada dunia jika ia memilih untuk berbuat perkara mulia itu.

"Inilah cabaran yang dihadapi media. Kami orang Islam berdoa dan berharap anda akan membantu kami menghapuskan pandangan salah masyarakat dunia terhadap Islam dan orang Islam dengan kuasa dan pengaruh anda," katanya.